

Utusan Malaysia - Ekonomi Negara Positif Menjelang Pilihan Raya

Isnin, Mac 05 2018

Ekonomi negara positif menjelang pilihan raya

um 3/3.

KUALALUMPUR 2 Mac - Persekitaran ekonomi Malaysia dan sentimen pasaran masih kekal positif menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) yang akan datang, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani (**gambar**).



Beliau berkata, ekonomi mencatatkan prestasi baik pada 2017, merekodkan pertumbuhan 5.9 peratus

dalam keluaran dalam negara kasar, kedua terbaik di ASEAN

selepas Filipina yang mencatatkan 6.7 peratus.

“Pengukuhan ringgit, pertumbuhan dua digit eksport dan peningkatan harga minyak mentah membawakan hasil yang lebih baik bagi kerajaan.

“Justeru, dari segi persekitaran ekonomi, negara berada dalam keadaan yang baik,” katanya dalam majlis pelancaran Strategi Digital Takaful Malaysia di sini, hari ini.

Mengenai prestasi ringgit yang lebih kukuh, beliau berkata, turun naik mata wang tempatan itu mencerminkan asas-asas ekonomi.

Beliau berkata, walaupun ia juga bertindak balas kepada beberapa faktor luaran dan dalaman, dalam tempoh jangka panjang nilai akan ditentukan oleh asas-asas.

“Terdapat juga aliran masuk bersih dana asing yang kukuh dalam pasaran ekuiti Malaysia pada 2017 (RM10.33 bilion, yang tertinggi sejak 2012) dan momentum itu kekal positif memasuki tahun ini,” katanya. - BERNAMA